

**NOTA PERCAKAPAN
PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM
MUSIM PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2023**

1. Perayaan Tahun Baru Cina akan disambut pada 22 Januari 2023. Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2023 akan dilaksanakan dari **15 Januari 2023 hingga 29 Januari 2023** selama 15 hari. 7 hari sebelum, sehari semasa dan 7 hari selepas perayaan.

2. Sebanyak **8 jenis barangan** akan dikawal harganya bagi skim ini. Barangan terbabit adalah:

- (1) Ikan bawal putih (berat antara 200gram hingga 400gram seekor)
- (2) Udang putih (berat antara 41 ekor hingga 60 ekor sekilogram)
- (3) Bawang putih (China)
- (4) Ubi Kentang Import (China)
- (5) Kobis Bulat Import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing)
- (6) Babi hidup (Kawalan diperingkat ladang sahaja)
- (7) Daging babi (perut)
- (8) Daging babi (daging dan lemak)

3. Penentuan harga maksimum barang-barang tersebut adalah seperti berikut:

3.1 Ikan Bawal Putih (berat antara 200gram - 400gram seekor)

Harga maksimum yang dicadangkan di peringkat runcit ialah RM42.00. Harga diperingkat runcit yang direkodkan ialah RM 52.60/kg. Jika tidak di kawal, harga runcit akan kekal pada harga RM52.60/kg iaitu 25% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.2 Udang Putih (berat antara 41 ekor - 60 ekor sekilogram)

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM39.00. Harga diperingkat runcit yang direkodkan ialah RM46.00/kg. Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM46.00/kg iaitu 18% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.3 Bawang putih (China)

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM8.50/kg. Harga diperingkat runcit yang direkodkan ialah RM10.00/kg. Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM10.00/kg iaitu 18% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.4 Ubi kentang import (China)

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM4.00. Harga diperingkat runcit yang direkodkan ialah RM5.00/kg. Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM5.00/kg iaitu 25% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.5 Kubis bulat import indonesia (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing)

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM4.00. Harga diperingkat runcit yang direkodkan ialah RM5.00/kg. Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM5.00/kg iaitu 25% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.6 Babi hidup

Harga kawalan diperingkat ladang ialah RM15.00/kg. Harga diperingkat runcit yang direkodkan ialah RM15.00/kg. Harga ini adalah harga semasa.

3.7 Daging Babi (perut)

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM36.00. Harga diperingkat runcit yang direkodkan ialah RM37.85/kg. Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM37.85/kg iaitu 5% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

3.8 Daging Babi (daging dan lemak)

Harga kawalan diperingkat runcit ialah RM25.00. Harga diperingkat runcit yang direkodkan ialah RM26.00/kg. Jika tidak di kawal, harga runcit dijangka akan kekal pada harga RM26.00/kg iaitu 4% lebih tinggi dari cadangan kawalan harga.

4. Pelaksanaan Kawalan harga adalah bertujuan menstabilkan harga dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran. Sekiranya skim ini tidak dilaksanakan, dijangka akan berlaku peningkatan harga disebabkan permintaan yang tinggi menjelang Perayaan Tahun Baru Cina 2023.

5. Maklumat dari industri menunjukkan peningkatan harga disumbangkan oleh beberapa faktor seperti cuaca, peningkatan kos makanan ternakan, penyakit haiwan, kejatuhan kadar mata wang dan kadar minimum gaji pekerja.

6. Penetapan harga dibuat adalah berdasarkan maklum balas dari pihak industri, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi di bawahnya dan input dari Bahagian Harga Barang Negara.

Bahagian Penguatkuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Disediakan pada 9 Januari 2023